

---

# PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

---

## 1. PENGENALAN

1.1. Pengeauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan dilaksanakan selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Perenggan 5(1)(b) dan (c) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang menghendaki Ketua Audit Negara memeriksa, menyiasat dan mengaudit kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di Wilayah Persekutuan, akaun pihak berkuasa awam atau badan yang diperuntukkan oleh undang-undang.

1.2. Pengeauditan pada tahun 2023 ini meliputi pengesahan terhadap 144 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 yang terdiri daripada 134 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan serta 10 Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persekutuan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1.1**.

**JADUAL 1.1**  
**PENYATA KEWANGAN YANG DIAUDIT OLEH JABATAN AUDIT NEGARA**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN
1.	Badan Berkanun Persekutuan	134
2.	Kumpulan Wang Persekutuan	10
<b>JUMLAH</b>		<b>144</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 2. OBJEKTIF

Objektif pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkenaan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2023. Pengeauditan ini telah dilaksanakan berdasarkan piawaian pengauditan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengeauditan Penyata Kewangan Asas Akruan.

#### 4. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022

4.1. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*], Subseksyen 5(1) menyatakan setiap badan berkanun hendaklah mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan atau apa-apa tempoh lanjutannya sebagaimana yang diberi di bawah Seksyen 9.

4.2. Subseksyen 9(1) pula menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata akaunnya untuk diaudit dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, maka badan berkanun itu hendaklah, sebelum tamatnya had masa itu, memohon secara bertulis kepada Menteri untuk pelanjutannya dan hendaklah juga menyatakan sebab-sebab memohon pelanjutan itu.

4.3. Subseksyen 9(2) menetapkan jika badan berkanun memohon pelanjutan had masa enam bulan itu, Menteri boleh, jika ia berpuas hati dengan sebab-sebab membuat permohonan itu, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi apa-apa pelanjutan had masa sebagaimana yang difikirkannya perlu tetapi pelanjutan itu tidak boleh melebihi tiga bulan secara agregatnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

4.4. Setakat 11 Januari 2024, sebanyak 140 daripada 144 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit dan disahkan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1.2**.

**JADUAL 1.2**  
**STATUS PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**AGENSI PERSEKUTUAN SETAKAT 11 JANUARI 2024**

BIL.	TEMPOH PENYERAHAN	BILANGAN AGENSI PERSEKUTUAN
1.	Dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan	117
2.	Dalam tempoh pelanjutan tidak melebihi 3 bulan secara agregat	18
3.	Selepas tempoh pelanjutan melebihi 3 bulan secara agregat	5
4.	Belum kemuka penyata kewangan	4
<b>JUMLAH</b>		<b>144</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5. Lima Agensi Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas tamat tempoh pelanjutan melebihi tiga bulan secara agregat dan empat Agensi Persekutuan belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.3** dan **Jadual 1.4**.

**JADUAL 1.3**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN**  
**SELEPAS TAMAT TEMPOH PELANJUTAN MELEBIHI TIGA BULAN SECARA AGREGAT**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH KEMUKA	PENJELASAN
1.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	16.10.2023	Pengerusi Lembaga Pengarah dilantik berkuat kuasa 21 September 2023 dan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 11 Oktober 2023.
2.	Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)	16.10.2023	Pengerusi Lembaga Pengarah dilantik pada 19 September 2023 dan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 13 Oktober 2023.
3.	Lembaga Pelabuhan Kemaman (LP KEMAMAN)	02.11.2023	Pengerusi Lembaga Pengarah masih belum dilantik.
4.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)	17.11.2023	Ahli Lembaga Pengarah dilantik pada 9 Oktober 2023 dan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 16 November 2023.
5.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	17.11.2023	Ahli Lembaga Pengarah dilantik pada 9 Oktober 2023 dan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 15 November 2023.

Sumber: Jabatan Audit Negara

**JADUAL 1.4**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG BELUM KEMUKA**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022 SETAKAT 11 JANUARI 2024**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENJELASAN
1.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA)	Gangguan rangkaian sistem disebabkan insiden <i>cybersecurity</i> yang dikesan pada 27 April 2023.
2.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	
3.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)	Pengerusi Lembaga Pengarah belum dilantik.
4.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang - Teluk Ewa (SPPP - TELUK EWA)	

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 5. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

5.1. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab antaranya, untuk menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam. Sehubungan itu, JANM melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 telah menetapkan supaya Agensi Persekutuan mengguna pakai piawaian perakaunan sektor awam Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS). Bagi penyediaan penyata kewangan tahun 2022, sebanyak 122 Agensi Persekutuan telah menerima pakai MPSAS.

5.2. Sebanyak 17 Agensi Persekutuan menggunakan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) kerana tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

5.3. Lima Agensi Persekutuan masih mengguna pakai Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) dan mendapat pengecualian daripada JANM dan Kementerian Kewangan. Pengecualian diberikan kepada empat Agensi Persekutuan kerana bersaiz kecil dan tidak memenuhi ciri-ciri perusahaan perniagaan Kerajaan

(Government Business Enterprise) manakala satu Agensi Persekutuan mengguna pakai Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Ringkasan dan senarai pemakaian piawaian perakaunan adalah seperti dalam **Jadual 1.5** dan **Lampiran 1**.

**JADUAL 1.5**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN DALAM**  
**PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2022**

PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI PERSEKUTUAN
Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	122
Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	17
Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	5
<b>JUMLAH</b>	<b>144</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2022

## **6. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

6.1. Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 dengan memberikan pendapat yang dinyatakan dalam Sijil Ketua Audit Negara. Secara umumnya, ISSAI menetapkan Pendapat Audit boleh dikategorikan kepada dua, iaitu Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion).

6.2. Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) diberikan apabila Ketua Audit Negara berpandangan bahawa penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama serta penyediaannya adalah selaras dengan piawaian perakaunan.

6.3. Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) diberikan apabila berlaku salah nyata material yang menyebabkan penyata kewangan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Perkara ini berlaku disebabkan penyediaan penyata kewangan tidak mengikut piawaian perakaunan atau ketiadaan dokumen sokongan yang membolehkan semakan dibuat terhadap penyata kewangan tersebut. Terdapat tiga kategori Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) yang boleh dikeluarkan, iaitu Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan dan Penafian Pendapat. Penjelasan adalah seperti dalam **Jadual 1.6**.

**JADUAL 1.6**  
**PENDAPAT AUDIT DALAM SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**

PENDAPAT AUDIT	PENJELASAN
<b>Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)</b>	
Pendapat Tanpa Teguran	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Tanpa Teguran Dengan Perenggan Penegasan Perkara	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Bagaimanapun, terdapat perkara penting berkaitan penyata kewangan yang perlu dilaporkan untuk kefahaman pengguna.
Hal-hal Lain	Perkara lain berkaitan tatakelola dan tadbir urus yang penting.
<b>Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)</b>	
Pendapat Berteguran	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material tetapi tidak menyeluruh. Penyediaan sebahagian penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Bertentangan	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material dan menyeluruh. Penyediaan penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Penafian Pendapat	Penyata kewangan tidak disokong dengan bukti yang mencukupi menyebabkan berlaku ketidakpastian yang material dan menyeluruh.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.4. Setakat 11 Januari 2024, sebanyak 130 penyata kewangan telah selesai diaudit dan diberi Sijil Ketua Audit Negara. Baki 10 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan adalah seperti dalam **Jadual 1.7**.

**JADUAL 1.7**  
**PENYATA KEWANGAN DALAM PROSES PENGAUDITAN SETAKAT 11 JANUARI 2024**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN
1.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
2.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
3.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
4.	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LP BINTULU)
5.	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
6.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)
7.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP)
8.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
9.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
10.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.5. Sebanyak **116 penyata kewangan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dan 14 penyata kewangan diberi Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)** seperti dalam **Jadual 1.8, Jadual 1.9 dan Lampiran 2**.

**JADUAL 1.8**  
**JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN KEWANGAN 2022 DAN 2021**

JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	TAHUN KEWANGAN	
	2022	2021
<b>Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)</b>		
Tanpa Teguran	85	86
Perenggan Penegasan Perkara	11	23
Hal-hal Lain	20	17
<b>Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)</b>		
Berteguran	13	19
Bertentangan	1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>	<b>145</b>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun Kewangan 2022 dan 2021

6.6. Sebanyak 11 Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan perenggan Penegasan Perkara bagi isu berkaitan usaha berterusan, kecairan tunai dan penjejasan nilai. Selain itu, 20 Agensi Persekutuan telah diberikan perenggan Hal-hal Lain dalam Sijil Ketua Audit Negara bagi perkara berkaitan kelemahan sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan. Perenggan ini bertujuan membolehkan Agensi Persekutuan menambah baik tatakelola pengurusan kewangan agar ia teratur, mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan.

**JADUAL 1.9**  
**AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERI**  
**PENDAPAT DIUBAHSUAI BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN
<b>Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) - Berteguran</b>	
1.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
2.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah (Lembaga Timah)
3.	LGM Properties Corporation (LGMPC)
4.	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)
5.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
6.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
7.	Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP KUANTAN)
8.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)
9.	Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
10.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)
11.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)
12.	Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS)
13.	Yayasan Tun Razak (YTR)
<b>Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) - Bertentangan</b>	
1.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun Kewangan 2022

6.7. Sebanyak 15 perkara telah dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi penyata kewangan tahun 2022 seperti dalam **Carta 1.1**.

**CARTA 1.1**  
**PERKARA YANG DILAPORKAN DALAM**  
**PENDAPAT DIUBAHSUAI BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022**



Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2022

6.8. Analisis selanjutnya mendapati **tiga Agensi Persekutuan telah diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi tiga tahun berturut-turut, iaitu bagi tempoh 2020 hingga 2022** seperti dalam **Jadual 1.10**.

**JADUAL 1.10**  
**PENDAPAT DIUBAHSUAI DIBERIKAN BAGI TEMPOH 2020 HINGGA 2022**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENDAPAT AUDIT		
		2022	2021	2020
1.	Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO)	Bertentangan	Berteguran	Berteguran
2.	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	Berteguran	Berteguran	Berteguran
3.	Perbadanan Aset Keretapi (RAC)	Berteguran	Berteguran	Berteguran

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020, 2021 dan 2022

Penerangan lanjut berkenaan tiga Agensi Persekutuan yang diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah seperti berikut:

**i. Yayasan Guru Tun Hussein Onn**

- Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada 16 Januari 2017 melalui Undang-undang Malaysia, Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 [*Akta 763*]. Objektif penubuhan YGTHO adalah untuk memberi sumbangan dan bantuan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjaga kebajikan guru dan membantu

pendidikan anak guru serta apa-apa perkara yang Yayasan fikirkan wajar atau suai manfaat atau perlu untuk pelaksanaan fungsinya.

- Isu penyata kewangan yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah berkaitan kesilapan perekodan dan pengiktirafan item dalam penyata kewangan yang berulang untuk beberapa tahun. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan kewangan serta kekurangan pengalaman dalam perekodan seperti dalam **Jadual 1.11**.

**JADUAL 1.11**  
**ISU YANG DILAPORKAN TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN YGTHO BAGI TAHUN 2022, 2021 DAN 2020**

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN YGTHO
2022 (Diubahsuai – Bertentangan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak membuat pelarasan tahun lalu terhadap saham bonus dan cukai pendapatan.</li> <li>ii. Tidak merekod amaun pelaburan saham sebenar kerana perekodan amaun pelaburan dibuat berdasarkan saham bonus sahaja.</li> <li>iii. Peruntukan rosot nilai dibuat terhadap saham bonus sahaja dan bukannya nilai saham sebenar.</li> <li>iv. Peruntukan gratuiti terlebih rekod dan tidak menggunakan kadar diskaun yang terkini.</li> <li>v. Belanja susut nilai terlebih rekod kerana mengiktiraf susut nilai aset yang telah tamat jangka hayat.</li> <li>vi. Tidak membuat peruntukan cukai bagi tahun taksiran 2022.</li> <li>vii. Tiada dokumen sokongan dikemukakan bagi Akaun Belum Bayar-Bukan Perniagaan.</li> </ul>	<p>YGTHO telah melantik perunding luar bagi membantu agensi menambah baik penyata kewangan bagi tahun berakhir 2023. YGTHO juga akan memastikan setiap isu yang dibangkitkan di dalam sijil diselesaikan dan tidak berulang.</p>
2021 (Diubahsuai – Berteguran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tersilap membuat pelarasan terhadap pengiktirafan saham bonus dan pelarasan pengiktirafan nilai saksama bangunan.</li> <li>ii. Amaun tunai di bank berbaki negatif di lejar berbeza dengan amaun Penyata Penyesuaian Bank.</li> </ul>	
2020 (Diubahsuai – Berteguran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekodkan saham bonus pada tahun semasa tetapi tarikh kelayakan untuk menerima saham bonus tersebut mengikut <i>notice of allotment</i> pada tahun 2021. Penambahan lain-lain saham bonus dicatatkan dua kali, iaitu dalam pengiraan nilai saksama saham pada akhir tahun dan mengiktiraf saham bonus secara berasingan.</li> <li>ii. Baki awal tahun Penyata Perubahan Ekuiti (Wang Cadangan Am) berbeza dengan baki akhir tahun 2019.</li> <li>iii. Hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan nilai kos berbanding nilai saksama, iaitu harga pasaran tidak mengikut perenggan 16, MPERS.</li> </ul>	

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020, 2021 dan 2022

## ii. Perbadanan Stadium Malaysia

- Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) ditubuhkan pada 26 Disember 1963 melalui Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963 [*Akta 433*] di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). PSM berfungsi bagi mengurus dan menyelenggara kompleks dan arena sukan.
- Isu penyata kewangan yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah berkaitan dengan kesilapan perekodan dan pengiktirafan item dalam penyata kewangan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan kewangan PSM seperti dalam **Jadual 1.12**.

**JADUAL 1.12**  
**ISU YANG DILAPORKAN TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN PSM BAGI TAHUN 2022, 2021 DAN 2020**

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN PSM
2022 (Diubahsuai – Bertegur)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak membuat pelarasan hutang ragu dan membaiki kecacatan di luar skop kerja penghutang perniagaan.</li> <li>ii. Tidak merekod inoivis kerja pembaikan dan penyenggaraan stadium yang dilaksanakan tahun 2022.</li> <li>iii. Hasil sewa stadium dan pelbagai tidak direkodkan pada tahun 2020, 2021 dan 2022.</li> <li>iv. Kesilapan pengiktirafan peruntukan hutang ragu sebagai hutang ragu dibaikpulih walaupun tidak menerima sebarang bayaran tunai daripada penghutang tersebut.</li> <li>v. Tidak mengiktiraf dua kompleks kemudahan sukan dalam penyata kewangan berdasarkan perjanjian pajakan bersama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Hartanah tersebut belum dapat ditentukan nilainya dan PSM sedang dalam proses untuk membuat penilaian terkini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Telah membuat pelarasan baki penghutang dengan syarikat selepas mendapat kelulusan Anggota Perbadanan Stadium Malaysia pada 13 Februari 2023 melalui mesyuarat khas dan telah selesai sepenuhnya pada tahun 2023.</li> <li>ii. Telah melaraskan rekod kewangan pada tahun 2023.</li> <li>iii. Tindakan selarasan bersama pihak Kementerian Belia dan Sukan bagi urusan permohonan penilaian hartanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).</li> </ul>
2021 (Diubahsuai – Bertegur)	Baki akhir penghutang perniagaan tidak dapat disahkan kerana berbeza dengan pengesahan yang diterima.	<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Telah memohon pandangan pihak JANM berkaitan isu pengiktirafan di dalam penyata kewangan.</li> </ul>
2020 (Diubahsuai – Bertegur)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baki akhir penghutang perniagaan tidak dapat disahkan kerana berbeza dengan pengesahan yang diterima.</li> <li>ii. Perbelanjaan pembaikan kemudahan yang perlu direkodkan sebagai belanja tahun terdahulu dalam item Kumpulan Wang Berkumpul tersalah rekod dalam lejar penghutang.</li> <li>iii. Pelbagai perbelanjaan yang perlu direkodkan sebagai belanja tahun terdahulu dalam item Kumpulan Wang Berkumpul telah tersalah rekod sebagai perbelanjaan tahun semasa.</li> </ul>	

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020, 2021 dan 2022

### iii. Perbadanan Aset Keretapi

- Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ditubuhkan melalui Akta Keretapi 1991 [*Akta 463*] di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) dan mula beroperasi secara rasminya pada 1 Ogos 1992. Melalui penggubalan akta tersebut, RAC bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api dan mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung bagi membolehkan syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang.
- Isu penyata kewangan yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah berkaitan baki hartanah, loji dan peralatan dan projek dalam pelaksanaan tidak tepat serta tidak dapat disahkan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh rekod yang tidak lengkap dan migrasi sistem kewangan bermula tahun 2020 seperti dalam **Jadual 1.13**.

**JADUAL 1.13**  
**ISU YANG DILAPORKAN TERHADAP**  
**PENYATA KEWANGAN RAC BAGI TAHUN 2022, 2021 DAN 2020**

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN RAC
2022 (Diubahsuai – Berteguran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hartanah, loji dan peralatan dalam penyata kewangan berbeza dengan baki dinyatakan dalam laporan pergerakan aset tetap dan tidak dapat disahkan ketepatannya.</li> <li>ii. Projek dalam pelaksanaan telah siap tidak diiktiraf dan direkodkan sebagai aset atau perbelanjaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sedang menambah baik sistem perakaunan yang diguna pakai.</li> <li>ii. Dalam proses penyesuaian rekod antara RAC, MOT dan KTMB. Mesyuarat penyelarasan telah diadakan antara RAC, MOT dan KTMB.</li> </ul>
2021 (Diubahsuai – Berteguran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hartanah, loji dan peralatan dalam penyata kewangan berbeza dengan baki dalam modul aset tetap dan tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan.</li> <li>ii. Tunai di Bank dalam penyata kewangan berbeza dengan baki dalam surat pengesahan bank dan tidak dapat disahkan kerana Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan.</li> <li>iii. Hasil daripada jualan tanah dalam penyata kewangan terkurang nyata disebabkan oleh perekodan tidak mengikut asas akruan seperti kehendak para 28, MPSAS 9.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sedang menambah baik sistem perakaunan yang diguna pakai.</li> <li>ii. Telah melantik konsultan dan isu ini telah berjaya diselesaikan.</li> <li>iii. Telah direkodkan setelah teguran Audit.</li> </ul>
2020 (Diubahsuai – Berteguran)	Pelarasan tahun terdahulu diiktiraf sebagai pelarasan tahun semasa pada Penyata Perubahan Dalam Ekuiti.	Telah dilaraskan setelah teguran Audit.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020, 2021 dan 2022

6.9. Bagi tahun kewangan seterusnya, Jabatan Audit Negara melalui Akademi Audit Negara akan menganjurkan beberapa latihan berkaitan pemantapan pengurusan kewangan Agensi Persekutuan bagi menambah baik penyediaan penyata kewangan. Selain itu, Agensi Persekutuan perlu mempertingkatkan kawalan dalaman dan menambah baik sistem kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang.

## 7. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

7.1. Seksyen 7, Akta 240 menetapkan setiap badan berkanun hendaklah dalam tempoh satu bulan selepas penerimaan penyata kewangan yang beraudit dan laporan Ketua Audit Negara mengenainya, mengemukakan kepada Menteri bersama-sama laporan aktiviti badan berkanun tersebut.

7.2. Seksyen 8, Akta 240 pula menyatakan Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh setelah menerima penyata kewangan beraudit, laporan Ketua Audit Negara mengenainya dan laporan tentang aktiviti badan berkanun, menyebabkannya dibentangkan di Parlimen.

7.3. Pada tahun 2023, sebanyak 148 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2019, 2020, 2021 dan 2022 telah dibentangkan di Parlimen. Sebanyak 11 Agensi Persekutuan telah membentangkan penyata kewangan tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.14** dan **Jadual 1.15**.

**JADUAL 1.14**  
**PENYATA KEWANGAN BERAUDIT**  
**DIBENTANGKAN DI PARLIMEN TAHUN 2023**

BIL.	PERKARA	BILANGAN PENYATA KEWANGAN
1.	Penyata Kewangan Tahun 2022	11
2.	Penyata Kewangan Tahun 2021	111
3.	Penyata Kewangan Tahun 2020	24
4.	Penyata Kewangan Tahun 2019	2
<b>JUMLAH</b>		<b>148</b>

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia

**JADUAL 1.15**  
**PENYATA KEWANGAN BERAUDIT TAHUN 2022 DIBENTANGKAN DI PARLIMEN**

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	14.06.2023	19.06.2023
2.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	12.10.2023	27.11.2023
3.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	30.10.2023	28.11.2023
4.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	16.11.2023	28.11.2023
5.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	16.11.2023	28.11.2023
6.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	20.11.2023	28.11.2023
7.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	27.11.2023	28.11.2023
8.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	27.11.2023	28.11.2023
9.	Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	27.11.2023	28.11.2023
10.	Yayasan Tun Abdul Razak (YTR)	28.11.2023	05.12.2023
11.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	30.11.2023	05.12.2023

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia

7.4. Pihak Audit mendapati kelewatan pembentangan penyata kewangan beraudit tahun 2022 antaranya disebabkan kelewatan mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang ditetapkan dan proses penyediaan laporan tahunan di peringkat Agensi Persekutuan dan Kementerian.

## **8. SYOR AUDIT**

Agensi Persekutuan hendaklah sentiasa peka terhadap pematuhan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pemantauan yang berterusan dan efektif di semua peringkat dapat memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan lengkap. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- a. Ketua Agensi Persekutuan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Akta 240;
- b. pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan dipatuhi supaya tatakelola agensi dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan;
- c. pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan; dan
- d. Agensi Persekutuan menyertai latihan berkaitan pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan anjuran Akademi Audit Negara.